
KESIAPSIAGAAN MENGHADAPI
BENCANA
BANJIR | TANAH RUNTUH | JEREBU | TSUNAMI
PERSIMPANGAN
BUKIT TINGGI
5 km
PERSIMPANGAN
GENTING SEMPAH
14 km



KESIAPSIAGAAN MENGHADAPI
BENCANA

BANJIR • TANAH RUNTUH • JEREBU • TSUNAMI

EDITOR PENYELARAS
Gomadi Nathan

ISI KANDUNGAN

04 Definisi Bencana

05 Siap Sedia Hadapi banjir

12 Batasan Aktiviti Semasa Jerebu

18 Waspada Tanah Runtuh

25 Ambil Peduli Kejadian Tsunami

29 Bersedia Menghadapi Bencana
- Sentiasa bersedia menghadapi bencana
- Langkah Kesiapsiagaan
- Tanggungjawab NADMA Dalam Pengurusan Bencana

38 Siapa Patut Dihubungi



Definisi Bencana

"Suatu kejadian yang menyebabkan gangguan kepada aktiviti masyarakat dan urusan Negara, melibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda, kerugian ekonomi dan kemusnahan alam sekitar yang melangkaui kemampuan masyarakat untuk mengatasinya dan memerlukan tindakan penggemblengan sumber yang ekstensif"

(Arahan Majlis Keselamatan Negara No.20: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana – Semakan 2012)

Siap sedia hadapi Banjir



Banjir adalah bencana alam yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak kerana ia mengancam kehidupan dan ekonomi penduduk sesebuah negara. Menurut kajian oleh Pertubuhan Meteorologi Sedunia (WMO), banjir merupakan bencana alam ketiga yang banyak mengorbankan nyawa dan kerosakan harta benda.

Persediaan sebelum banjir

- Elakkan membina bangunan di kawasan yang berisiko banjir;
- Selenggara parit/longkang/saliran air supaya tidak tersumbat;
- Simpan nombor-nombor perhubungan penting seperti nombor ahli keluarga, jiran, balai polis terdekat, bomba untuk kegunaan semasa kecemasan;

- Peka kepada keadaan sekeliling, bunyi/isyarat-isyarat amaran serta kenalpasti laluan tinggi dan selamat untuk ke pusat pemindahan;

- Bersiap sedia untuk berpindah sekiranya diarahkan pihak berkuasa;

- Dapatkan maklumat terkini cuaca dan situasi banjir melalui saluran radio, televisyen dan internet;

- Simpan semua dokumen penting di dalam bekas/ beg/fail di tempat yang tinggi dan mudah diambil sekiranya perlu berpindah ke pusat pemindahan;

- Sediakan barang keperluan asas yang paling penting seperti susu anak, ubat-ubatan, lampu suluh, beg pakaian dan peralatan lain sebelum diarah berpindah;

- Simpan barang berharga di tempat tinggi yang tidak ditenggelami air sekiranya berlaku banjir;

- Simpan air bersih di dalam botol untuk kegunaan memasak dan sebagai air minuman;

- Simpan/ikat dengan ketat barang-barang yang diletakkan di luar rumah seperti perabut taman, basikal, tong sampah dan sebagainya untuk mengelak dihanyutkan banjir;



- Pastikan kenderaan dan peralatan membaiki kenderaan anda berkeadaan baik sebagai persediaan berpindah;

- Letakan haiwan peliharaan di tempat selamat kerana haiwan tidak dibenarkan untuk dibawa ke pusat pemindahan atas sebab kebersihan dan kesihatan;

- Dapatkan insurans banjir jika berkemampuan.

Semasa Tanda-tanda Banjir Dikesan

- Sentiasa mengikuti perkembangan banjir di tempat anda melalui pengumuman media massa atau pihak berkuasa;
- Pindahkan perabot, peralatan elektrik atau peralatan-peralatan lain ke tempat yang selamat;
- Isikan tong-tong yang elok dengan air bersih dan letakan di tempat tinggi;
- letakkan dokumen penting di tempat yang selamat atau bawa bersama anda dalam bekas kalis air;
- Bersedia untuk menutup suis elektrik, injap utama bekalan air dan gas;
- Tutup dan kunci semua pintu dan tingkap dan bersedia untuk berpindah.

Semasa Pemindahan

- Berpindah dengan segera ke pusat-pusat pemindahan yang disediakan apabila diarahkan;
- Berpindah awal sebelum air banjir meningkat atau semasa siang hari;
- Ikut laluan yang ditentukan, laluan singkat mungkin terhalang atau berbahaya.

Di Luar Rumah

- Pergi ke tempat yang tinggi dan selamat. Jauhi kawasan lapang, sungai dan longkang;
- Jangan bersiar-siar di kawasan banjir, berjalan kaki atau bersampan;
- Jangan sentuh mana-mana kabel atau wayar yang jatuh;
- Awasi kanak-kanak daripada bermain di kawasan banjir, sungai, longkang atau lombong;
- Jangan minum air banjir.

Di Dalam Kenderaan

- Jangan terus mengharungi kawasan banjir, berpatah balik ke tempat selamat;
- Jika kenderaan anda terhenti, kunci dan tinggalkan kenderaan serta pergi ke tempat yang selamat;
- Dengan pengumuman radio atau tunggu arahan pihak berkuasa. Jangan kembali ke rumah sebelum dibenarkan;
- Beri bantuan kepada jiran anda atau orang kurang upaya dan golongan istimewa;

- Periksa rumah anda dan lihat tanda-tanda rekahan atau mendapan kerana ia mungkin tidak selamat;

- Jangan terus memasuki rumah yang masih dibanjiri air, berhati-hati terhadap bahaya-bahaya yang tersembunyi.

Semasa Memasuki Rumah

- Pakai kasut atau selipar;

- Periksa kerosakan dinding, lantai, pintu dan tingkap; Perhatikan siling rumah dan plaster dinding yang mungkin rekah, lerai dan jatuh;

- Periksa tanda-tanda kehadiran binatang atau serangga berbisa yang berbahaya;

- Gunakan kayu untuk mengalihkan sebarang halangan yang bersepah.

Periksa Ancaman Bahaya

- Periksa paip saluran air atau gas yang mungkin pecah atau bocor;

- Periksa wayar dan perkakasan elektrik yang terendam air;

- Periksa kehadiran bahan-bahan mudah terbakar yang mungkin mengalir masuk semasa banjir (minyak tanah, petrol, diesel dan sebagainya);



- Buang bahan-bahan makanan yang terendam atau terkena air banjir termasuklah makanan dalam tin;

- Periksa sebarang kerosakan tangki septik untuk mengelakkan bahaya biologi;

- Laporkan segera kerosakan kemudahan-kemudahan awam (bekalan air, gas dan elektrik) kepada pihak berkuasa.

Batasan Aktiviti Semasa Jerebu



Jerebu ialah satu fenomena yang disebabkan oleh kewujudan banyak partikel-partikel kecil yang tidak boleh dilihat oleh mata kasar dan terapung-apung di udara. Partikel-partikel ini mungkin berasal secara semula jadi ataupun kesan sampingan daripada aktiviti manusia.

Golongan Yang Sangat Terjejas Semasa Jerebu

- Kanak-kanak
- Orang Tua
- Mereka yang menghidap penyakit asma, bronchitis, radang paru-paru yang kronik, jantung, alahan
- Perokok
- Mereka yang bekerja di luar pejabat atau rumah

Ketahui Batasan Aktiviti Dan Patuhi Langkah-langkah Kesihatan Semasa Jerebu

Bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) = 0-50

Status = Baik

Tahap pencemaran = Tahap Pencemaran rendah dan tidak membahayakan kesihatan umum

Batas aktiviti/langkah-langkah kesihatan

- Tiada sekatan aktiviti untuk semua golongan
- Orang ramai dinasihatkan supaya mengamalkan cara hidup sihat seperti tidak merokok, beriadah secara tetap dan menjaga pemakanan

Bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) = 51-100

Status = Sederhana

Tahap pencemaran = Tahap pencemaran sederhana dan lazimnya tidak membahayakan kesihatan umum

Batas aktiviti/langkah-langkah kesihatan

- Tiada sekatan aktiviti untuk semua golongan
- Orang ramai dinasihatkan supaya mengamalkan cara hidup sihat seperti tidak merokok, beriadah secara tetap dan menjaga pemakanan

Bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) = 101-200

Status = Tidak sihat

Tahap pencemaran = Tahap pencemaran boleh menjejaskan kesihatan golongan berisiko tinggi seperti mereka yang menghidap penyakit jantung dan penyakit pernafasan obstruktif yang kronik

Batas aktiviti/langkah-langkah kesihatan

- Golongan berisiko tinggi dinasihatkan supaya mengehadkan aktiviti di luar rumah
- Orang awam dinasihatkan mengurangkan aktiviti-aktiviti yang berat di luar rumah



Bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) = 201-300

Status = Sangat tidak menyihatkan

Tahap pencemaran = Tahap pencemaran tinggi yang menjejaskan kesihatan orang ramai dan boleh memburukkan gejala yang dialami oleh mereka yang berisiko tinggi

Batas aktiviti/langkah-langkah kesihatan

- Masyarakat umum dinasihatkan untuk mengelak melakukan aktiviti yang berat di luar rumah
- Golongan berisiko tinggi, warga tua dan bayi digesa supaya berada di dalam rumah atau bangunan dan mengurangkan aktiviti fizikal
- Mereka yang mengalami masalah kesihatan dinasihatkan untuk berjumpa doktor
- Golongan berisiko tinggi dinasihatkan memakai alat pelindung pernafasan (mask) ketika berada di luar rumah sekiranya pemakaian alat pelindung pernafasan itu tidak mendatangkan pernafasan
- Banyakkan minum air
- Kerap membersihkan diri

Bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) = 301-500

Status = Sangat tidak menyihatkan

Tahap pencemaran = Pencemaran yang sangat tinggi dan membahayakan kesihatan

Batas aktiviti/langkah-langkah kesihatan

- Warga tua dan golongan berisiko tinggi digesa berada di dalam rumah dan elak daripada melakukan aktiviti fizikal yang berat
- Seboleh-bolehnya, orang ramai dinasihatkan supaya tinggal di dalam bangunan atau rumah
- Orang ramai dinasihatkan supaya sentiasa membasuh muka dan bahagian kulit yang terdedah kepada jerebu dengan air bersih
- Alat pelindung pernafasan hendaklah digunakan oleh semua penunggang motosikal, mereka yang bekerja di luar bangunan atau tempat-tempat yang berhabuk dan juga mereka yang dalam kumpulan berisiko tinggi
- Gunakan alat penyaman udara ketika berada di dalam kenderaan atau di rumah jika mempunyai peralatan tersebut

Bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) = 500 ke atas

Status = Darurat

Tahap pencemaran = Pencemaran yang terlalu tinggi dan sangat membahayakan kesihatan

Batas aktiviti/langkah-langkah aktiviti

- Orang ramai diminta untuk mengikuti arahan Agensi Pengurusan Bencana Negara dan sentiasa mengikuti perkembangan melalui media massa



Waspada Tanah Runtuh



Tanah runtuh adalah bencana yang selalu berlaku di kawasan berbukit tinggi dan bercerun. Bencana ini boleh berlaku secara mendadak atau berperingkat-peringkat dalam skala kecil atau besar

Faktor-faktor Yang Menyebabkan Tanah Runtuh

- Hujan lebat berterusan
- Ribut tropika
- Kesan perbuatan manusia seperti kerja-kerja pemotongan lereng bukit yang tidak terkawal, penyalahgunaan tanah di kawasan tinggi dan kerja pembersihan hutan/ladang
- Sistem perparitan yang tidak mencukupi atau tidak diselenggara dengan baik

Kawasan Berisiko

- Kawasan yang pernah mengalami tanah runtuh
- Cerun atau saliran air
- Potongan atau tambakan benteng
- Pembangunan lereng bukit



Tanda-tanda Awal Berlaku Tanah Runtuh

- Pancuran atau resapan di kawasan tanah
- Kesan bonggol atau rekahan tanah
- Tanah berganjak
- Tapak asas atau konkrit retak atau terjongket
- Retak atau rekahan pada dinding, tembok atau tiang
- Kerosakan paip air, gas atau pembetung bawah tanah
- Perubahan arah aliran air
- Tiang telefon, elektrik dan pagar menjadi condong
- Jajaran barisan pagar berubah
- Jalan mendap
- Pintu atau tingkap rumah/bangunan sukar ditutup

Persediaan Awal

- Dapatkan maklumat daripada pihak berkuasa sama ada berlaku tanah runtuh di kawasan sekitar
- Tanam tumbuhan tutup bumi pada cerun
- Bina tembok penahan atau buat saliran air
- Sentiasa peka dengan keadaan sekeliling seperti runtuhan atau pergerakan kecil tanah cerun dan kecondongan pokok yang berterusan
- Jika hujan berterusan, berpindahlah dengan segera ke tempat selamat
- Jika bangunan/rumah anda terletak berhampiran dengan aliran air seperti sungai dan arusnya bertukar lebih laju atau perlahan serta lebih berlumpur, berpindahlah ke tempat lebih selamat
- Hubungi pihak berkuasa untuk memberi maklumat atau mendapatkan bantuan
- Jika anda memandu di kawasan berbukit, berhati-hati memandu ketika dan selepas hujan lebat

Semasa Kejadian

- Dengar jika terdapat bunyi pelik yang sangat kuat. Ia menandakan runtuhan berlaku
- Lari keluar dari rumah/bangunan. Elak kawasan laluan runtuhan
- Beri amaran kepada keluarga dan jiran anda
- Hubungi segera pihak berkuasa
- Berpindah segera apabila keadaan menjadi bahaya atau apabila diarahkan pihak berkuasa
- Sentiasa ikuti perkembangan melalui radio atau televisyen

Di Dalam Rumah Jika Tidak Sempat Lari

- Naik ke tingkat atas jika boleh
- Berlindung di bawah meja, kerusi atau perabot yang kukuh (berlindung jika berlaku runtuhan disebabkan rempuhan)

Di Luar Rumah

- Jauhi laluan dan kawasan tanah runtuh
- Lari ke arah tanah tinggi yang jauh dari bahaya

- Waspada pada aliran air sungai yang tiba-tiba laju atau perlahan atau terlalu berlumpur. Selamatkan diri dengan segera. Jangan berlengah. Tinggalkan barangan anda

- Memandu adalah berbahaya. Jika memandu sentiasa waspada kepada tanda-tanda runtuhan



Jika Tidak Sempat Melarikan diri

- Jauhi kawasan runtuhan
- Periksa keadaan keluarga dan jiran anda, beri rawatan pertolongan cemas jika ada yang tercedera atau sakit
- Beri bantuan kepada jiran dan golongan kurang upaya
- Dengar pengumuman menerusi media massa
- Awas! Banjir boleh berlaku selepas tanah runtuh
- Periksa tapak rumah dan tanah di persekitaran anda
- Laporkan sebarang kerosakan kemudahan awam kepada pihak berkuasa
- Dapatkan nasihat pakar untuk membangunkan semula rumah atau bangunan di tapak yang sama





Ambil Peduli Kejadian Tsunami



Gempa bumi merupakan salah satu sebab utama yang biasanya menghasilkan tsunami. Tsunami akan terhasil apabila dasar lautan dengan tiba-tiba berubah kedudukan yang akan menyebabkan air berkocak kuat.

Gempa bumi tektonik adalah gempa bumi yang biasanya akan menyebabkan kecacatan atau perubahan pada kerak bumi; apabila gempa bumi terjadi di dasar lautan, air yang berada di kawasan kejadian akan berubah dari kedudukan keseimbangannya. Gelombang akan terhasil dari perubahan jisim air, yang bertindak di bawah pengaruh graviti yang cuba untuk mengembalikan keseimbangan kedudukannya. Apabila kawasan dasar laut yang berubah kedudukan (terangkat atau turun) adalah luas, tsunami akan terhasil. Gelombang yang terhasil dapat bergerak dengan pantas.

Apa yang perlu anda lakukan

- Jika anda berada di rumah dan mendengar amaran tsunami, pastikan semua ahli keluarga tahu tentang amaran tersebut. Pastikan semua ahli keluarga mengosongkan rumah dan bergerak ke kawasan tinggi sekiranya rumah berada di dalam kawasan amaran tsunami

- Jika anda berada berhampiran laut dan merasai gegaran gempa bumi, bergerak dengan segera ke kawasan yang tinggi

- Jika berada di lautan, jangan pulang ke pelabuhan di mana amaran tsunami dikeluarkan, Tsunami akan menjadi lebih kuat ketika berada di kawasan yang lebih cetek



Langkah-langkah keselamatan tsunami

- Tidak semua gempa bumi mengakibatkan tsunami, tetapi kebanyakkannya adalah berpotensi menghasilkan gelombang ini. Apabila anda mengetahui gempa bumi telah berlaku, bersedialah untuk menerima amaran tsunami

- Jangan terus berada di kawasan rendah di tepi pantai apabila terasa gegaran gempa bumi yang kuat. Bergeraklah menuju ke kawasan yang tinggi dan selamat

- Tsunami merupakan satu siri gelombang. Teruskan berada di kawasan yang tinggi sehingga pihak-pihak bertanggungjawab mengumumkan keadaan benar-benar telah selamat

- Gelombang tsunami yang kecil pada suatu kawasan pantai mungkin boleh menjadi sangat besar beberapa meter sahaja darinya. Jangan ambil mudah pada gelombang tsunami yang kecil pada mulanya

- Kehadiran tsunami biasanya didahului dengan air laut yang surut tiba-tiba. Ini adalah tanda semula jadi terhadap kehadiran tsunami dan perlu diambil perhatian oleh orang ramai

- Semua amaran tsunami yang dikeluarkan perlu diambil serius oleh orang ramai. Tsunami yang berlaku pada Mei 1960 di Hilo, Hawaii contohnya telah mengakibatkan kematian seramai 61 orang kerana orang ramai menganggap amaran yang dikeluarkan hanyalah satu kesilapan

- Semua tsunami berpotensi untuk menjadi berbahaya walaupun mungkin tidak memusnahkan semua kawasan yang dilaluinya

- Jangan sesekali pergi ke tepi pantai untuk melihat gelombang tsunami. Apabila gelombang tsunami dilihat, anda sudah terlalu dekat dengannya dan sukar untuk menyelamatkan diri darinya

- Semasa berlakunya keadaan cemas akibat tsunami, pihak Kerajaan, Polis dan badan-badan kecemasan yang lain sedang cuba untuk menyelamatkan nyawa anda. Berikan sepenuh kerjasama kepada mereka.



BERSEDIA HADAPI BENCANA

Sentiasa Bersedia Hadapi Bencana

Beg Kecemasan – Mudah dicapai semasa menyelamatkan

- Salinan dokumen penting dan diletakkan di dalam bekas kalis air
- Lampu suluh dan bekalan bateri
- Pakaian
- Wang dalam tukaran yang kecil
- Kad prabayar dan pengecas telefon bimbit
- Makanan kering dan air minuman
- Mini First-Aid-Kits dan ubat-ubatan
- Wisel – untuk kecemasan
- Keperluan bayi

Kereta – Persediaan jika terkandas akibat bencana

- Makanan kering
- Air minuman
- Pakaian – jaket, baju, hujan, payung, kasut
- First-Aid-Kits
- Pengecas telefon bimbit kereta

Rumah – Sediakan keperluan sekeluarga untuk 3 hari jika terputus hubungan akibat bencana

- Makanan dalam tin dan kering
- Air untuk minum dan cucian (sanitari) – air simpanan perlu ditukar setiap tahun
- Lampu suluh dan bekalan bateri
- Pelita atau lilin bersama mancis
- First-Aid-Kits dan bekalan ubat (jika perlu)
- Radio menggunakan bateri
- Pakaian seperti baju hujan, but, sarung tangan
- Peralatan – minyak (petrol/diesel) gergaji, tukul, pisau, penyapu, timba dan sebagainya

Langkah Kesiapsiagaan

Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela yang terlibat dalam pengurusan bencana hendaklah secara bersendirian atau bekerjasama;

a. mengenalpasti, mendokumentasi dan memantau serta mengemaskini kawasan yang berisiko menghadapi bencana mengikut jenis bencana dan bidang kuasa masing-masing;

b. menyediakan infrastruktur Sistem Amaran Awal bencana mengikut bidang kuasa masing-masing;

c. membangun dan memantapkan keupayaan dari segi sumber manusia dan kompetensi peralatan perhubungan dan komunikasi, teknologi, kewangan dan sebagainya supaya langkah Tindak Balas yang diambil adalah terselaras dan berkesan;

d. melaksanakan usaha-usaha meningkatkan kefahaman dan kesedaran mengenai bencana di segenap lapisan masyarakat;

e. membangunkan kepakaran dan kemahiran dalam pengurusan bencana;

f. menyediakan Pelan Tindakan Kecemasan (ERP) dan Pelan Kesinambungan Perkhidmatan atau Perniagaan (BCP) masing-masing;

g. menyediakan inventori logistik yang lengkap dan dikemaskini dari semasa ke semasa bagi mempercepatkan Tindak Balas bencana;

h. mengadakan latihan amal secara berterusan untuk menguji tahap Kesiapsiagaan bagi menghadapi bencana; dan

i. melaksanakan lain-lain usaha Kesiapsiagaan dari semasa ke semasa.

Pencegahan dan Peredaan Bencana

Semua Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela yang terlibat dalam pengurusan bencana hendaklah secara bersendirian atau bekerjasama:

a. Menyedia dan mengemaskinikan dasar, pelan tindakan dan garis panduan masing-masing bagi mencegah dan mengurangkan risiko bencana;

b. Melaksanakan program-program pembangunan bagi mencegah atau mengurangkan risiko bencana;

c. Merancang dan melaksanakan tindakan Peredaan untuk mengurangkan risiko bencana termasuk usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan dalam pengurusan bencana;

d. Menguatkuasa undang-undang dan peraturan masing-masing yang berkaitan dan mengamalkan tadbir urus yang berkesan;

e. Berkongsi maklumat berhubung Pencegahan dan Peredaan bencana; dan melaksanakan lain-lain usaha Pencegahan dan Peredaan dari semasa ke semasa.

Langkah Pemulihan Selepas Bencana

a. Program pemulihan dan pembangunan semula hendaklah dilaksanakan dengan segera selepas sesuatu kejadian bencana berlaku. Setiap Agensi Agensi, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela yang terlibat bertanggungjawab dalam melaksanakan penilaian kerosakan serta Pemulihan dan pembangunan semula infrastruktur awam di bawah bidang kuasa masing-masing

b. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) bertanggungjawab membuat penilaian, perancangan dan perakuan kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) mengenai cadangan program Pemulihan dan pembangunan semula dengan mengambil kira konsep Pengurangan Risiko bencana

c. JPBP bertanggungjawab memutuskan program Pemulihan dan pembangunan semula yang akan dilaksanakan dan menetapkan Agensi Kerajaan atau pihak berkaitan untuk pelaksanaannya

Tanggungjawab NADMA Dalam Pengurusan Bencana

NADMA adalah Agensi Peneraju Utama (National Focal Point) Pengurusan Bencana Negara, NADMA bertanggungjawab menyelaras pengurusan Bencana Negara dan bertanggungjawab untuk membentuk serta memastikan segala dasar dan mekanisme pengurusan Bencana Negara dipatuhi dan dilaksanakan di setiap peringkat pengurusan Bencana.

Tanggungjawab NADMA sebagai Agensi Pengurusan Bencana Negara adalah seperti berikut :

a. Merupakan Agensi Peneraju Utama *(focal point)* pengurusan bencana Negara di peringkat negara, negeri dan daerah;

b. Menjadi Agensi Peneraju Utama *(focal point)* Pengurusan Bencana Negara di peringkat serantau dan antarabangsa;

c. Mengeluarkan strategi, arahan, pelan tindakan, hala tuju dan dasar dalam pengurusan bencana;

d. Memastikan pengamalan serta pelaksanaan dasar dan mekanisme pengurusan bencana berjalan lancar

e. mengawal selia dan membuat pengauditan dalam pengurusan bencana yang dijalankan oleh Agensi Kerajaan dan mengarahkan penambahbaikan untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan bencana Negara;

f. Memberikan khidmat keurusetiaan kepada Jawatankuasa-jawatankuasa Pengurusan bencana di setiap peringkat pengurusan bencana;

g. Mengurus dan mengaturgerakkan Pasukan SMART untuk operasi mencari dan menyelamat di dalam dan luar negara apabila perlu;

h. Menguruskan Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) tertakluk kepada peraturan dan tatacara kewangan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa;

i. Menyelaras pengendalian latih amal pengurusan bencana serta mencari dan menyelamat dari semasa ke semasa;

j. Memantau dan memastikan pelaksanaan langkah-langkah Pengurangan Risiko bencana bagi mencegah atau mengurangkan impak bencana yang dijalankan oleh Agensi Kerajaan;

k. Merancang, menyelaras serta mengawasi pelaksanaan strategi kependidikan, latihan dan kesedaran kepada pegawai dan anggota Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela serta orang awam dalam menghadapi dan mengurangkan risiko bencana;

l. Memberi khidmat nasihat mengenai pengendalian serta pengurusan bencana;

m. Mengadakan post-mortem pengendalian bencana diadakan selepas kejadian sesuatu bencana;

n. Menilai, menyelaras dan mengetuai misi bantuan kemanusiaan dan Tindak Balas bencana ke luar negara; dan

o. Menilai dan menyelaras bantuan kemanusiaan dari negara-negara luar.




SIAPA YANG
PATUT DIHUBUNGI?
999
SEDIA MENYELAMAT
READY TO SAVE 999
• Polis • Bomba • Hospital • Pertahanan Awam

Majlis Keselamatan Negara
Tel: 03-80642400 (24 Jam) I Faks: 03-80635420
Portal : *http://portalbencana.mkn.gov.my*

Jabatan Kerja Raya
Tel: 03-26107727 I Faks: 03-26947550
Portal: http://bencanaalam.jkr.gov.my

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia
JPS Careline : 1-300-80-1010
Portal: http://publicinfobanjir.water.gov.my

MET Malaysia
JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA

Jabatan Meteorologi Malaysia
Hotline: 1-300-22-1638

SUMBER :

NADMA MALAYSIA
Agensi Pengurusan Bencana Negara
Tel : 03-88704800 **Faks :** 03-88704848
Portal : portalbencana.ndcc.gov.my
Facebook : Agensi Pengurusan Bencana Negara, Jabatan Perdana Menteri



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

JABATAN
PENERANGAN
MALAYSIA

Diterbitkan oleh

Bahagian Penerbitan Dasar Negara
Jabatan Penerangan Malaysia
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Laman web : www.penerangan.gov.my
Portal : pmr.penerangan.gov.my
E-mel : webmaster@inform.gov.my

B.010(B.M)MEI2017(0.50)

CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008
CERT.NO:MY-AR5240